

PM tiba di Washington hadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN-AS

Nasional 2

Wadah Pembaharuan

BH

BeritaHarian

Diterbit sejak 1957

www.bharian.com.my



Lindung Lembah Klang dilanda banjir

Kolam takungan, taman rekreasi tak boleh 'sentuh'

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Semua kawasan rekreasi dan tasik yang mempunyai kolam takungan di ibu kota tidak akan dibenarkan untuk dibangunkan bagi melindungi Lembah Klang daripada risiko bencana, termasuk kejadian banjir kilat pada masa akan datang.

Ia adalah antara langkah

akan diambil Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam perancangan tiga pendekatan membabitkan jangka pendek, sederhana dan panjang bagi menangani masalah bencana alam secara serius. Langkah lain termasuk membina infrastruktur yang mampu mengalirkan air terus ke Sungai Klang selain melaksanakan lebih banyak projek

tebatan banjir di ibu kota. Mengulas mengenai, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata sebagai langkah jangka sederhana pula, DBKL juga akan membina lebih banyak kolam takungan air di sekitar Kuala Lumpur untuk menampung jumlah air hujan yang besar.

"Bagi projek yang diluluskan sebelum ini (pembangu-

nan membabitkan kolam takungan banjir di ibu kota) kita sudah minta Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian untuk kaji semula.

"DBKL turut memaklumkan tidak akan membenarkan kawasan pembangunan di semua kawasan yang diwartakan sebagai rekreasi," katanya kepada BH.

Nasional 4

Nama 5 doktor HPP didakwa pembuli diserahkan kepada KKM

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Nama lima doktor di Hospital Pulau Pinang (HPP) yang didakwa sebagai pembuli diserahkan kepada Kementerian Kesihatan (KKM), untuk tindakan lanjut.

Senarai nama itu diserahkan sendiri oleh Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Pulau Pinang, Dr Norlela Ariffin.

"Saya sudah menghantar nama lima doktor itu dan jabatan mereka bertugas, yang didakwa membuli di HPP untuk diperiksa Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dan beliau telah menjawabnya," katanya semalam.

Dr Norlela berkata, bagaimanapun kelima-lima doktor itu tidak mempunyai kaitan dengan kematian seorang doktor pelatih yang bertugas di HPP baru-baru ini, kerana kes terbabit masih dalam siasatan.

Nasional 16

Dr Norlela
Ariffin

Eksklusif



Parti akan putus kedudukan UMNO dalam Muafakat Nasional

Nasional 6



Kepimpinan Anwar, 'khemah besar' hangatkan debat Saifuddin-Rafizi

Nasional 7

Bank Negara naikkan OPR kepada 2 peratus

Bisnes 36

Projek di KL tidak dilulus jika gagal patuhi kajian teknikal

Tanah sedang dibangunkan di puncak Bukit Persekutuan milik persendirian

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Wilayah Persekutuan memberi jaminan semua projek pembangunan di ibu kota termasuk di Bukit Persekutuan tidak akan diuluskan jika gagal mematuhi kajian teknikal yang ditetapkan pihak berwajib, termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Menterinya, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata secara umumnya, pihaknya tidak mungkin meluluskan pembangunan yang melanggar prosedur teknikal ditetapkan.

"Bukan sahaja di Bukit Persekutuan, tetapi juga di semua tempat yang berlaku pembangu-

'20,000 penduduk berisiko berdepan bencana alam'



Keratan akhbar BH semalam.

nan pesat, kita akan pastikan tidak ada tolok ansur isu kajian teknikal," katanya kepada BH.

Beliau mengulas pendedahan BH bahawa Bukit Persekutuan yang sepatutnya menjadi 'nadi hijau' bagi ibu kota kini berdepan ancaman dengan beberapa projek pembangunan dan penerokaan sedang dilakukan, termasuk di kawasan puncak bukit.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif (Perancangan) DBKL, Datuk Sulaiman Mohamed, berkata tanah yang sedang dibangunkan di kawasan puncak Bukit Persekutuan adalah tanah milik persendirian.

Beliau berkata, tapak di tanah persendirian itu sudah mendapat kelulusan DBKL untuk dibangunkan dan ia dipantau dewan bandar raya sendiri.

Mengulas lanjut katanya, se-

buah pembangunan di Bukit Persekutuan perlu mematuhi syarat ditetapkan dalam Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 termasuk memastikan pembangunan dilaksanakan ialah jenis berkepadatan rendah.

"Apabila adanya pembangunan, ada kawalan di tapak bina yang dipantau oleh DBKL termasuk meminta pemaju untuk menyediakan kolam takungan dan memastikan ia berfungsi.

"Pada hari kejadian (banjir) kolam takungan disediakan pemaju di situ berfungsi, namun jumlah air yang banyak menyebabkan ia tidak dapat menampung sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata, DBKL turut memperdalamkan dua kolam takungan di Jalan Travers, Bangsar yang berfungsi untuk menampung air ketika hujan lebat di kawasan berkenaan.

Katanya, dengan kerja mendalamkan dua kolam takungan itu, risiko banjir di kawasan sekitar Bukit Persekutuan adalah ren-

dah walaupun dengan adanya pembangunan.

"Sebelum ini, berlaku ketidakcukupan takungan pada dua kolam itu, namun kita sudah melakukan kerja mendalamkan untuk mengawal aliran air," katanya.

Mengulas desakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) supaya Bukit Persekutuan diwartakan sebagai Tapak Warisan Semula Jadi Negara, Sulaiman berkata, ia memerlukan DBKL memperuntukkan sejumlah wang untuk perolehan tanah.

"Sehingga kini di dalam Pelan Bandaraya KL 2020 kita letakkan Bukit Persekutuan sebagai tanah persendirian dan zon kediaman.

"Kalau nak wartakan ia memerlukan sejumlah peruntukan kewangan untuk mengambil alih tanah berkenaan.

"Justeru, apa yang kita boleh lakukan kini, adalah memastikan pembangunan yang dilaksanakan adalah berkepadatan rendah dan mematuhi kehendak pembangu-

nan mengikut Pelan Bandaraya KL 2020 dan 2040," katanya.

Mengikut garis panduan perancangan pembangunan di kawasan perumahan berkepadatan rendah membabitkan Bukit Tunku, Taman Duta, Bukit Persekutuan dan Bukit Damansara oleh DBKL dalam laman webnya, terdapat panduan bagi perancangan tapak disediakan.

Garis panduan itu ialah bangunan kemudian yang dicadangkan perlu mengikut topografi sedia ada bagi mengelakkan pemotongan tanah yang keterlaluan.

Selain itu, kerja penambakan, pemotongan dan pembinaan tembok penahan hendaklah pada tahap minimum bagi mengurangkan perubahan topografi sedia ada dan mengekalkan kejauhan kawasan persekitaran.

Pengekal cerun semula jadi adalah digalakkan. Bagaimanapun, sekiranya pembinaan tembok penahan diperlukan, tembok penahan yang rendah dibenarkan tertakluk kepada garis panduan tembok penahan.

Kajian geoteknikal juga diperlukan untuk semua pembangunan yang dijalankan di kawasan lereng bukit.



Sulaiman Mohamed

Tempatkan pam sementara di 20 stesen hotspot

Dari Muka 1

Sebelum ini, DBKL mengemukakan 14 tindakan jangka pendek khusus bagi menangani masalah banjir kilat di 25 kawasan tumpuan atau hotspot di Kuala Lumpur dalam tempoh tiga bulan hingga Julai ini melalui Pelan Tindakan Tahanan Banjir Kilat Kuala Lumpur 2022.

Antara hotspot dikenal pasti ialah di Jalan Brunei, Jalan Pudu, Jalan Changkat Thambi Dollah, hadapan Balai Polis Salak Selatan, Jalan Antoi, Jalan Pintasan Segambut, Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Maharajalela dan Bulatan Dato Onn.

Pada masa sama, Shahidan berkata, satu lagi tindakan jangka pendek adalah meletakkan pam sementara di 20 stesen hotspot bagi aliran air keluar ketika hujan lebat.

"Kita menggunakan pendekatan pam (mesin) dan manusia di mana penguat kuasa DBKL, selain sukarelawan diminta untuk bekerja dalam masa tiga hingga enam bulan ini untuk

selesaikan masalah ini.

"Tugas mereka termasuk membersihkan kolam takungan dan laluan air Kuala Lumpur itu sendiri akan dibersihkan dan akan berwujud baharu," katanya.

Ketika ini ada enam kolam takungan banjir di sekitar ibu negara iaitu Kolam Wahyu dan Kolam Delima berhampiran Taman Wahyu di Kepong, Kolam Nanyang, Kolam Batu, Kolam Batu 4 1/2, selain Kolam Taman Desa.

Bagaimanapun, sebelum ini dilaporkan dua daripada enam kolam takungan banjir terbahit iaitu iaitu Kolam Wahyu dan Kolam Delima didakwa diubah status pemilikan pada 2018 untuk tujuan pembangunan projek mega yang dikecam aktivis alam sekitar dan pembangkang.

Berikutan itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah memulakan siasatan berhubung dakwaan berkenaan, termasuk kelulusan projek membabitkan kawasan kolam takungan banjir.

Projek pembangunan di Kolam Taman Desa yang dilulus-

kan sebelum ini difahamkan sudah dibatalkan.

Laporan perunding berlesen bebas yang dilantik DBKL berhubung isu dua kolam takungan banjir itu sudah diserahkan kepada SPRM pada 31 Januari lalu dan sehingga kini hasil siasatannya belum diumumkan.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, dilaporkan berkata ia susulan arahan SPRM supaya DBKL melantik perunding bebas dalam usaha menangani isu projek pembangunan berkaitan kolam takungan banjir

di Kolam Wahyu dan Kolam Delima.

Laporan Ketua Audit Negara 2019 mendedahkan sepanjang tempoh 2015 hingga 2020, Datuk Bandar Kuala Lumpur telah meluluskan 943 kebenaran perancangan walaupun tidak selaras dengan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur (PBKL) 2020.

Sejak pertengahan Disember lalu, Lembah Klang khususnya ibu kota dilanda banjir sebanyak empat kali menyebabkan kemusnahan harta benda dan nyawa.

Banjir besar melanda Lembah Klang pada 18 Disember tahun

lalu apabila hujan lebat berterusan selama dua hari menyebabkan Hulu Langat, Kuala Langat, Shah Alam, Klang, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Petaling dan Kuala Lumpur di Lembah Klang 'tenggelam'.

Selain banjir, Lembah Klang turut berdepan ancaman banjir kilat apabila kejadian itu dilaporkan menenggelamkan beberapa jalan utama di pusat bandar Kuala Lumpur pada 7 Mac lalu.

Kejadian sama berulang tujuh hari kemudian apabila hujan lebat sekitar Kuala Lumpur mengakibatkan air naik di beberapa lokasi dan menyebabkan banjir kilat.

Kali terakhir ibu kota dilanda banjir kilat pada 25 April lalu apabila beberapa jalan utama di sekitar ibu negara termasuk Jalan Kuching, Jalan Tunku Abdul Rahman, Jalan Semantan, Jalan Pintasan Gambut, Jalan Kinabalu, Jalan Changkat Thambi Dollah, Lebuhraya Sultan Iskandar, Jalan Travers, ditenggelami air susulan hujan lebat berterusan kira-kira satu jam.

“Kita menggunakan pendekatan pam (mesin) dan manusia di mana penguat kuasa DBKL, selain sukarelawan diminta untuk bekerja dalam masa tiga hingga enam bulan ini”

Shahidan Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan



Story and photos by JAROD LIM
jarodlim@thestar.com.my

THE felling of trees in Taman Seputeh by Kuala Lumpur City Hall (DBKL) without first engaging with residents in the area has upset some of them.

Residents said two trees on utility reserve land along Jalan Tanjung 12 were cut down on April 16.

Earlier, on April 11, an attempt to fell a tree along Jalan Taman Seputeh was stopped by residents.

Contractors ended up trimming the tree instead.

Residents said they were unhappy over being kept in the dark about the operation and expressed worry that the mahogany trees would be sold as timber.

Taman Seputeh Residents Association (TSRA) president P. Balaeswaran said DBKL should explain why they were cutting down trees.

"Are the trees posing a danger to the public?" he asked.

A resident, who wanted to be known only as Beng Seng, said they were worried that a syndicate might be eyeing the trees as each could fetch up to RM10,000 on the market.

"During the April 11 incident, the contractor ended up just trimming a few branches but there were several lorries waiting at the location, which suggested they could have been preparing to chop down the tree.

"The felling of trees along Jalan Tanjung 12 caught us all by surprise," said the 80-year-old retired architect.

However, other residents fear that some of the mahogany trees

Taman Seputeh folk divided over tree felling

Some want them saved while others say they pose safety risk

pose a safety risk as they have grown taller than a double-storey house.

At several locations in Taman Seputeh, protruding tree roots have caused cracks in the drain structure.

A resident, who refused to be named, said she feared that one giant mahogany tree at the junction of Jalan Taman Seputeh and Jalan Taman Seputeh 3 might be toppled by strong winds and hit her house.

"I am scared as even now, the branches and leaves from the trees are falling onto our house and clogging the gutter on the roof," she said, adding that the trees should be cut down.

Taman Seputeh Rukun Tetangga chairman Cynthia Hor said the problem stemmed from poor planning by DBKL which planted the mahogany trees in a residential area.

"These trees have an invasive root system that can damage drain structures.

"The height of these trees also raises public safety concerns and DBKL should consider a long-term solution to address the issue," she said.



The two trees felled at Jalan Tanjung 12 in Taman Seputeh, Kuala Lumpur. (Inset) Protruding roots of a mahogany tree along Jalan Taman Seputeh have caused cracks in the drain structure.